

**LAPORAN TAHUNAN KUALITI
ALAM SEKELILING
NEGERI SABAH & W.P.LABUAN**

1997



Jabatan Alam Sekitar
Negeri Sabah & W.P.Labuan
Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar, Malaysia

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Perutusan	I
Isi Kandungan	ii - iv
Senarai Rajah	v - x
Senarai Jadual	xi
Senarai Lampiran	xii
I PENGURUSAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	
Pengurusan Alam Sekitar	1
Isu-isu Alam Sekitar	2
Struktur Organisasi	3
Prestasi: Produktiviti Dan Kualiti Perkhidmatan Peruntukan Dan Perbelanjaan	3
Hasil	4
II KEADAAN KUALITI ALAM SEKELILING	
Pengawasan Udara	5
Status Kualiti Udara	5
<i>Jumlah Habuk Terampai (TSP)</i>	5
<i>Habuk Mendap</i>	5
<i>Plumbum</i>	5
Pengawasan Kualiti Air Daratan	7
Status Kualiti Air Daratan	7

<i>Indeks Kualiti Air (IKA)</i>	7
<i>Indeks Keperluan Oksigen Biokimia (IBOD)</i>	7
<i>Indeks Ammoniakal Nitrogen (IKAN)</i>	8
<i>Indeks Pepejal Terampai</i>	8
Pematuhan Parameter Mengikut Piawai Yang Disarankan	8
<i>Keperluan Oksigen Biokimia (BOD)</i>	8
<i>Ammoniakal Nitrogen (AN)</i>	9
<i>Pepejal Terampai (PT)</i>	9
<i>Minyak dan Geris (OG)</i>	9
Pengawasan Kualiti Air Laut	10
<i>Pepejal Terampai (PT)</i>	10
<i>Minyak dan Geris (OG)</i>	11
<i>Plumbum (Pb)</i>	11
<i>Escherichia Coli</i>	11
III KAWALAN KUALITI ALAM SEKELILING	
Punca-punca Tetap	12
<i>Premis Yang Ditetapkan</i>	12
<i>Bukan Premis Yang Ditetapkan</i>	14
Punca-Punca Bergerak	15
<i>Pelepasan Asap Hitam</i>	15
<i>Plumbum Dalam Petrol</i>	15

MUKA SURAT

	<i>Bunyi Bising Kenderaan Motosikal</i>	16
	Aduan	16
	Tindakan Undang-Undang	17
	<i>Tindakan Mahkamah</i>	17
	Tumpahan Dan Pembuangan Sisa Minyak Di Laut	18
IV	PENILAIAN ALAM SEKITAR	
	Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA)	19
	Penguatkuasaan EIA	21
	Penilaian Awal Tapak (PAT)	21
	Kelulusan Bertulis	22
	Kebenaran Bertulis	22
V	PENDIDIKAN DAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR	
	Minggu Alam Sekitar (MASM)	23
	Ceramah	24
	Pameran	24
VI	PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	
	Kursus	25
	Seminar	25
	Bengkel	25
	Taklimat	25
	Kollokium	25

SENARAI JADUAL

		MUKA SURAT
Jadual 1	Jabatan Alam Sekitar: Piawai Kualiti Air Yang Disarankan Untuk Malaysia	70 - 71
Jadual 2.0	Jabatan Alam Sekitar: Status Pematuhan Pengawasan Merin, 1997	72 - 75
Jadual 2.1	Sabah: Perubahan Kualiti Air Sungai, 1996-1997	76

SENARAI LAMPIRAN

		MUKA SURAT
Lampiran 1	Senarai Stesen Pengawasan Kualiti Air Daratan Bagi Negeri Sabah, 1997	77 - 82
Lampiran II	Senarai Stesen Pengawasan Kualiti Air laut 1997	83

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Sabah dan W.P.Labuan: Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar
- Rajah 1.2 Sabah dan W.P.Labuan: Bilangan Jawatan Yang Diisi Dan Yang Masih Kosong Mengikut Kategori, 1997
- Rajah 1.3 Sabah dan W.P.Labuan: Prestasi Tahun 1997 Mengikut Program / Aktiviti
- Rajah 1.4 Sabah dan W.P.Labuan: Pencapaian Aktiviti Tahun 1997 Berbanding Dengan Tahun 1996
- Rajah 1.5 Sabah dan W.P.Labuan: Peruntukan Yang Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar, 1994-1997
- Rajah 1.7 Sabah dan W.P.Labuan: Kutipan Hasil Mengikut Peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 Tahun 1997
- Rajah 2.1 Kota Kinabalu: Purata Kepekatan Habuk Berukuran Kurang 10ug/m³, 1996-1997
- Rajah 2.2 Sabah & Labuan: Peratus pematuhan Habuk Mendap 1996-1997
- Rajah 2.3 Sabah dan W.P.Labuan: Kedudukan Stesen Pengawasan Udara, 1997
- Rajah 2.4 Sabah dan W.P.Labuan: Purata Paras Indeks pencemaran Udara, 1997
- Rajah 2.5 Sabah : Tren Kualiti Air Mengikut Indeks Kualiti Air (IKA) 1986-1997
- Rajah 2.6 Sabah: Tren Kualiti Air Mengikut Indeks BOD (IBOD) 1986-1997
- Rajah 2.7 Sabah: Tren Kualiti Air Mengikut Indeks Keperluan Ammoniakal Nitrogen (IKAN), 1986-1997
- Rajah 2.8 Sabah: Tren Kualiti Air Mengikut Indeks Pepejal Terampai (IPT), 1986-1997

- Rajah 2.9 Sabah : Peratus pematuhan BOD Di Stesen Takat Pengambilan Air, 1997
- Rajah 2.10 Sabah : Peratus Pematuhan BOD Di Stesen Kawasan Pantai Barat, 1997
- Rajah 2.11 Sabah : Peratus Pematuhan BOD Di Stesen Kawasan Pantai Timur, 1997
- Rajah 2.12 Sabah : Peratus Pematuhan Ammoniakal Nitrogen Di Stesen Takat pengambilan Air, 1997
- Rajah 2.13 Sabah : Peratus Pematuhan Ammoniakal Nitrogen Di Stesen Pantai Barat, 1997
- Rajah 2.14 Sabah : Peratus Pematuhan Ammoniakal Nitrogen Di Stesen Kawasan Pantai Timur, 1997
- Rajah 2.15 Sabah : Peratus Pematuhan Pepejal terampai Di Stesen Takat pengambilan Air, 1997
- Rajah 2.16 Sabah : Peratus Pematuhan Pepejal terampai Di Stesen Kawasan Pantai Barat, 1997
- Rajah 2.17 Sabah : Peratus Pematuhan Pepejal terampai Di Stesen Kawasan Pantai Timur, 1997
- Rajah 2.18 Sabah : Peratus Pematuhan Minyak Dan Geris Di Stesen Takat pengambilan Air, 1997
- Rajah 2.19 Sabah : Peratus Pematuhan Minyak Dan Geris Di Stesen Kawasan pantai Barat, 1997
- Rajah 2.20 Sabah : Peratus Pematuhan Minyak Dan Geris Di Stesen Kawasan Pantai Timur, 1997
- Rajah 2.21 Sabah : Peratus Pematuhan *E. Coli* Di Stesen Takat Pengambilan Air, 1997
- Rajah 2.22 Sabah : Peratus Pematuhan *E. Coli* Di Stesen Kawasan Pantai Barat, 1997

- Rajah 2.24 Sabah : Peratus Pematuhan Pantai Timur Air Laut Distesen Kawasan Rekreasi, 1997
- Rajah 2.25 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan Pepejal Terampai Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Perindustrian, 1997
- Rajah 2.26 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan Pepejal Terampai Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Rekreasi, 1997
- Rajah 2.27 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan Minyak Dan Geris Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Perindustrian, 1997
- Rajah 2.28 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan Minyak Dan Geris Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Rekreasi, 1997
- Rajah 2.29 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan Plumbum Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Perindustrian, 1997
- Rajah 2.30 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan Plumbum Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Rekreasi, 1997
- Rajah 2.31 Sabah Dan Labuan : Peratus Pematuhan *E.Coli* Dalam Air Laut Di Stesen Kawasan Perindustrian, 1997
- Rajah 3.1 Sabah : Bilangan Kilang Kelapa Sawit, 1995-1997
- Rajah 3.2 Sabah : Taburan Kilang Kelapa Sawit Mengikut Bahagian, 1996-1997
- Rajah 3.3 Sabah : Status Pematuhan Kilang Kelapa Sawit Mengikut Parameter, 1996-1997
- Rajah 3.4 Sabah : Status Pematuhan Kilang Getah Asli Mentah Mengikut Parameter, 1996-1997
- Rajah 3.5 Sabah Dan Labuan : Jenis-Jenis Kilang Yang Tertakluk Di Bawah KEEP 1979, 1994-1997

- Rajah 3.6 Sabah Dan Labuan : Status Pematuhan Kilang Mengikut Parameter Yang Tertakluk Di Bawah KEEP 1979, 1995-1997
- Rajah 3.7 Sabah Dan Labuan : Status Pematuhan Kilang Di Bawah Peraturan Udara Bersih, 1978, 1994-1997
- Rajah 3.8 Sabah Dan Labuan : Bilangan Premis Yang Tidak Mematuhi Di Bawah Peraturan Buangan Terjadual 1989, 1995-1997
- Rajah 3.9 Sabah Dan Labuan : Bilangan Lesen Yang Dikeluarkan Berhubung Dengan Pengendalian Buangan Terjadual, 1996-1997
- Rajah 3.10 Sabah Dan Labuan : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dikeluarkan, 1993-1997
- Rajah 3.11 Sabah Dan Labuan : Bilangan Kenderaan Yang Diuji Disaman Dan Bilangan Kempen , 1993-1997
- Rajah 3.12 Sabah Dan Labuan : Bilangan Kenderaan Yang Diuji Disaman Dan Bilangan Kempen , 1994-1997
- Rajah 3.14 Sabah Dan Labuan : Jenis Aduan Yang Diterima 1993-1997
- Rajah 3.15 Sabah Dan Labuan: Bilangan Punca-Punca Pencemaran Yang Diadukan, 1997
- Rajah 3.16 Sabah Dan Labuan: Bilangan Aduan Mengikut Kawasan 1997
- Rajah 3.17 Sabah Dan Labuan Bilangan Kompaun Yang Ditawarkan Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, 1993-1997

- Rajah 3.18 Sabah Dan Labuan : Bilangan Kompaun Yang Ditawarkan Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, 1993-1997
- Rajah 3.19 Sabah Dan Labuan : Jumlah Kutipan Kompaun Yang Ditawarkan Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, 1993-1997
- Rajah 3.20 Sabah Dan Labuan : Jumlah Kutipan Kompaun Yang Ditawarkan Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, 1993-1997
- Rajah 3.21 Sabah Dan Labuan : Bilangan Kes Yang Disyorkan Untuk Tindakan Mahkamah , 1994-1997
- Rajah 4.1 Sabah Dan Labuan : Bilangan laporan EIA Yang Dikemukakan Dan Diulas, 1989-1997
- Rajah 4.2 Sabah Dan Labuan : Bilangan laporan EIA Yang Diterima Mengikut Bulan,1997
- Rajah 4.3 Sabah Dan Labuan : Status Laporan EIA Yang Dikaji, 1989-1997
- Rajah 4.4 Sabah Dan Labuan : Bilangan laporan EIA Yang Diterima Mengikut Kategori Aktiviti, 1989-1997
- Rajah 4.5 Sabah Dan Labuan : Bilangan laporan EIA Yang Diterima Mengikut Kategori Aktiviti, 1997
- Rajah 4.6 Sabah Dan Labuan : Taburan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Kawasan, 1989-1997
- Rajah 4.7 Sabah Dan Labuan: Status Pelaksanaan Projek Yang Mengemukakan Laporan EIA 1989-1997
- Rajah 4.8 Sabah Dan Labuan: Tempoh Masa Kelulusan EIA Mengikut Tahun, 1989-1997
- Rajah 4.9 Sabah Dan Labuan: Bilangan Kes Proaktif EIA Yang Disusul Mengikut Aktiviti, 1997

- Rajah 4.10 Sabah Dan Labuan : Purata Peratus Pematuhan Syarat-Syarat Kelulusan EIA Mengikut Kategori Aktiviti, 1996-1997
- Rajah 4.11 Sabah Dan Labuan : Permohonan Penilaian Awal tapak Yang Diterima dan Diproses, 1993-1997
- Rajah 4.12 Sabah Dan Labuan : Permohonan Penilaian Awal tapak Yang Diterima mengikut Kawasan, 1994-1997
- Rajah 4.13 Sabah Dan Labuan : Jenis Perusahaan Bagi permohonan Penilaian Awal Tapak Yang Diterima, 1997
- Rajah 4.14 Sabah Dan Labuan : Median Masa Dalam Memproses Permohonan Untuk Kelulusan, 1989-1997
- Rajah 4.15 Sabah Dan Labuan : Permohonan dan Kelulusan Bertulis Bagi Alat Pembakaran Bahan, 1994-1997
- Rajah 5.1 Sabah Dan Labuan : Ceramah Alam Sekitar, 1993-1997
- Rajah 5.2 Sabah Dan Labuan : Pameran Alam Sekitar 1993-1997
- Rajah 6.1 Sabah Dan Labuan : Kursus, Seminar, Bengkel Dan Taklimat Yang Dihadiri Oleh Kakitangan Jabatan Alam Sekitar 1992-1997
- Rajah 6.2 Sabah Dan Labuan : Kollokium Yang Dianjurkan Oleh Jabatan Alam Sekitar, 1993-1997
- Rajah 4.7 Sabah Dan Labuan: Status Pelaksanaan Projek Yang Mengemukakan Laporan EIA 1989-1997
- Rajah 4.8 Sabah Dan Labuan: Tempoh Masa Kelulusan EIA Mengikut Tahun, 1989-1997
- Rajah 4.9 Sabah Dan Labuan: Bilangan Kes Proaktif EIA Yang Disusul Mengikut Aktiviti, 1997



I

**PENGURUSAN ALAM
SEKITAR NEGERI
SABAH**

DAN

**WILAYAH
PERSEKUTUAN
LABUAN**

1. PENGURUSAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Alam sekitar adalah sebahagian daripada proses keseluruhan pembangunan. Ini termasuklah perhubungan dan saling hubungkait yang wujud di antara manusia dan sumber alam. Perubahan alam sekitar berlaku bukan sahaja oleh faktor-faktor semulajadi tetapi juga oleh applikasi model pembangunan, tindakan dan cara hidup manusia sendiri. Dalam hal ini sebarang modifikasi kepada alam sekitar, boleh mempengaruhi kualiti hidup manusia.

Satu-satunya ciri perubahan yang sangat ketara dan penting berhubung dengan aspek alam sekitar adalah sikap dan pengetahuan mengenai alam sekitar yang semakin terserlah. Dua puluh tahun yang lepas penekanan hanya diberikan kepada langkah-langkah mengawal pencemaran dan mengurangkan pemusnahan sumber-sumber alam. Hari ini, langkah untuk mengintegrasikan aspek alam sekitar ke dalam konsep pembangunan menjadi semakin penting dalam usaha mencapai pembangunan berkualiti selaras dengan penerapan nilai-nilai dan konsep pembangunan mapan.

Pembangunan yang berkualiti adalah pembangunan mapan yang memberi keutaman kepada kemajuan negara tanpa mengabaikan aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar. Konsep inilah yang menjadi landasan Jabatan Alam Sekitar dalam memainkan peranannya dalam mencapai objektif-objektif pengurusan alam sekitar dengan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dalam mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran serta memperbaiki kualiti alam sekitar.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah/Wilayah Sabah Persekutuan Labuan yang mula bertapak di Negeri Sabah pada tahun 1981 terus mendokong objekif-objektif penubuhannya iaitu:-

- Untuk memelihara dan membaiki kualiti alam sekeliling dengan menentukan semua segmen alam sekitar iaitu air, udara, laut dan tanah tidak tercemar;
- Untuk mencegah masalah alam sekitar berbangkit dengan memastikan penggerak projek mengambil kira faktor alam sekitar dalam cadangan projek;

- * Untuk mengawal pencemaran dengan memastikan pekilang dan tuan punya kenderaan mematuhi standard-standard yang dikuatkuasakan; dan
- * Untuk mempertingkatkan hubungan dengan agensi dan pihak berkuasa tempatan supaya dapat berkerjasama dalam memelihara alam sekitar, mencegah serta mengawal pencemaran.

ISU-ISU ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah/W.P Labuan menempuh tahun 1997 dengan pelbagai cabaran terutama dalam menangani masalah alam sekitar yang turut sama berkembang seiringan dengan arus pembangunan yang semakin menyakinkan rancak. Penglibatan Jabatan Alam Sekitar dalam menangani isu alam sekitar tidak hanya terhad dalam isu pencemaran air, udara dan tanah tetapi juga menyentuh spektrum yang lebih luas seperti isu pengeksploitasian sumber-sumber asli, perancangan pelan pembangunan dan sebagainya.

Isu-isu alam sekitar yang menjadi perhatian utama Jabatan Alam Sekitar sepanjang tahun 1997 adalah pencemaran air daratan dan laut oleh pepejal terampai, bakteria dan minyak dan geris terutama yang melibatkan kawasan-kawasan sensitif seperti takat pengambilan air dan kawasan rekreasi. Pencemaran udara terutama oleh asap kilang dan habuk yang berpunca dari kilang dan aktiviti pembinaan juga menjadi isu alam sekitar yang semakin ketara. Isu-isu alam sekitar lain yang semakin membimbangkan adalah kejadian pembuangan minyak ke dalam perairan Sabah oleh kapal-kapal dan pencemaran bau dari kilang. Masalah ini boleh diatasi dengan meningkatkan tahap kesedaran mengenai pengurusan alam sekitar di semua peringkat, pembangunan yang terancang, gunatanah yang serasi dan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan lain-lain Akta, ordinan, undang-undang kecil dan garis panduan yang berkaitan.

Dalam menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar menerapkan beberapa strategi seperti meningkatkan suasana pelaburan dan pembangunan berterusan, meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pengurusan alam sekitar melalui pendidikan dan menerapkan nilai-nilai masyarakat penyayang terhadap alam sekitar.

STRUKTUR ORGANISASI

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah mempunyai tiga seksyen iaitu Seksyen Penilaian dan Pembangunan, Seksyen Kawalan dan Seksyen Pentadbiran. Di bawah seksyen Pembangunan terdapat tiga unit iaitu Unit EIA, Unit Penguatkuasaan EIA dan Unit Penilaian, sementara Seksyen Kawalan terdiri dari Unit Pengawasan, Unit Pendidikan dan Maklumat, Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan. **Rajah 1.1** menunjukkan struktur organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai 19 jawatan. **Rajah 1.2** menunjukkan bilangan jawatan yang telah di penuhi dan yang masih kosong mengikut kategori sehingga penghujung tahun 1997.

PRESTASI: PRODUKTIVITI DAN KUALITI PERKHIDMATAN

Bidang tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Alan Sekitar Negeri Sabah dan W.P. Labuan semakin bertambah namun ianya telah dapat diuruskan dengan sebaiknya. Terdapat peningkatan dalam beberapa aktiviti jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Pencapaian ini akan menjadi satu cabaran untuk dipertahankan dan menjadi landasan untuk meningkatkan lagi pencapaian pada tahun seterusnya.

Rajah 1.3 menunjukkan prestasi Jabatan mengikut program dan aktiviti pada tahun 1997. Manakala **Rajah 1.4** menunjukkan ringkasan laporan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah program perlindungan dan kawalan alam sekitar bagi tahun 1996 dan tahun 1997.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

Rajah 1.5 menunjukkan peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar dari tahun 1994 hingga tahun 1997. Dalam tahun 1997, Jabatan Alam Sekitar Sabah/WP Labuan telah menerima peruntukan yang diluluskan sebanyak RM 925,100.00. Peruntukan ini meningkat sebanyak 73 peratus berbanding dengan tahun 1996 iaitu RM 704,400 (termasuk peruntukan dasar baru)

Pada tahun 1997, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah/WP Labuan telah membelanjakan sebanyak RM 821,532.46 atau 86 peratus dari jumlah yang diperuntukkan, Jabatan telah memperbaiki prestasinya dalam membelanjakan peruntukan yang diberikan berbanding dengan tahun 1996 iaitu hanya 96 peratus.

HASIL

Rajah 1.6 menunjukkan kutipan hasil oleh Jabatan Alam Sekitar Sabah/WP Labuan dari tahun 1995 hingga tahun 1997. Pada tahun 1997 kutipan hasil yang berjaya dipungut hasil tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah sebanyak RM 275,704.00. Jumlah ini meningkat sebanyak 69.8 peratus berbanding dengan jumlah kutipan pada tahun 1996 iaitu RM 192,400.

Rajah 1.7 pula menunjukkan punca-punca hasil mengikut peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jumlah kutipan yang terbanyak diperolehi daripada denda mahkamah iaitu RM 118,000 dan diikuti bayaran melalui tawaran kompaun RM 108,500 dan diikuti oleh bayaran memproses lesen iaitu RM 49,204. Denda mahkamah dibayar kepada mahkamah dan ianya direkodkan sebagai perolehan Jabatan ini disegi prestasi tindakan Jabatan.



II

**KEADAAN KUALITI
ALAM SEKELILING**

11 KEADAAN KUALITI ALAM SEKELILING

Pengawasan kualiti alam sekitar masih merupakan aktiviti penting bagi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah/WP Labuan dalam mengawasi sebarang perubahan ke atas kualiti alam sekitar terutamanya kualiti udara dan air. Sebarang maklumat mengenai perubahan kualiti persekitaran yang signifikan yang dikesan melalui aktiviti pengawasan, akan digunakan oleh Jabatan ini untuk menyemak semula strategi-strategi yang sedang dilaksanakan dan merancang suatu formula baru bagaimana mengawal perubahan tersebut atau memperbaiki keadaan kualiti alam sekitar ke tahap yang boleh diterima.

PENGAWASAN UDARA

Dalam tahun 1997, Unit pengawasan terus menjalankan aktiviti pengawasan udara yang melibatkan satu parameter sahaja iaitu jumlah habuk terampai (TSP).

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah/WP Labuan mempunyai tiga stesen pengawasan parameter jumlah habuk terampai termasuk satu stesen pengukuran bagi habuk terampai yang bersaiz kurang dari 10 um. Stesen-stesen ini terletak di sekolah Menengah Vokasional Likas (SMV) Kota Kinabalu, Balai Polis Karamuning Kota Kinabalu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan (SMK)(HVS-PM10).

Sepanjang tahun 1997, sebanyak 35 contoh untuk jumlah habuk terampai, 42 contoh untuk jumlah habuk terampai bersaiz kurang dari 10 um dan 69 contoh untuk habuk mendap telah dipungut.

STATUS KUALITI UDARA

Jumlah Habuk Terampai (TSP)

Daripada pemerhatian sebanyak 42 kali pada tahun 1997, didapati purata harian paras habuk terampai adalah di antara 101 hingga 254 ug/m³ bagi stesen yang terletak SMK Putatan

Daripada 42 pemerhatian yang dibuat, purata harian paras habuk terampai adalah antara 56 hingga 422 ug/m³. Daripada keputusan ini, terdapat 6 bacaan jumlah habuk terampai yang melebihi garis panduan yang dibenarkan untuk Malaysia iaitu 260ug/m³ (purata 24 Jam). Antara sebab yang melebihi piawai tersebut ialah kejadian jerubu yang melanda negara yang berpunca daripada berlakunya kebakaran hutan hampir diseluruh negeri.

Sementara keputusan untuk jumlah habuk terampai yang bersaiz kurang dari 10 um di stesen pengawasn di SMK Putatan adalah di antara 10 hingga 101 ug/³ seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.1**. Di stesen ini juga tiada pemerhatian yang melebihi paras piawai yang ditetapkan iaitu 150 ug/m³. Ini menunjukkan kawasan sekitar stesen masih mempunyai kualiti udara yang baik.

Habuk Mendap

Paras habuk mendap semakin meningkat pada tahun 1997, di mana 14 peratus pengukuran habuk mendap di stesen-stesen di kawasan Pantai Barat melebihi piawai yang disarankan iaitu 133 mg/m² /hari berbanding dengan 57 peratus pada tahun 1996. Stesen di Lahad Datu (Kawasan Pantai Timur) seratus peratus tidak patuh berbanding tahun 1996 di mana semua pengukuran didapati lebih baik jika dibandingkan dengan piawai yang disarankan. Di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu di Stesen Janakuasa Petronas-Methanol Labuan didapati pengukuran habuk mendap adalah tidak berubah dengan tahun 1996 disegi pematuhan iaitu seratus peratus patuh. **Rajah 2.2** menunjukkan peratus pematuhan habuk mendap bagi tahun 1995 dan 1997 di 12 stesen di seluruh Negeri Sabah dan W.P. Labuan. Sementara **Rajah 2.3** menunjukkan kedudukan stesen-stesen pengawasan udara bagi habuk mendap.

Indek Pencemaran Udara (IPU)

Sebuah alat telemetri khusus untuk mengukur habuk (PM10) telah diperkenalkan di Sabah pada penghujung bulan September 1997, semasa negara dilanda jerubu yang begitu ketara. Alat berkenaan ditempatkan di kawasan Likas, tetapi bacaan diawasi terus daripada Ibu Pejabat dan bacaan akan disalurkan ke Jabatan Alam Sekitar Sabah dalam bentuk Indek Pencemaran Udara (IPU) dan taksiran IPU adalah seperti berikut, 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 sederhana, 101 hingga 200 tidak sehat, 201 hingga 300 sangat tidak sehat, 301 hingga 500 berbahaya. **Rajah 2.4** menunjukkan tahap IPU bagi tahun 1997.

PENGAWASAN KUALITI AIR DARATAN

Pada tahun 1997, 31 buah sungai utama daripada 19 buah limbangan di seluruh Negeri Sabah terlibat dalam program pengawasan. **Lampiran 01** menunjukkan senarai sungai-sungai yang terlibat dalam program pengawasan. Sepanjang tahun 1997, sebanyak 300 contoh telah dipungut daripada 74 buah stesen pengawasan yang diwujudkan. Bilangan contoh ini merosot sebanyak 12 peratus berbanding dengan pencapaian tahun 1996 iaitu 340 contoh.

Parameter-parameter utama yang diawasi adalah Pepejal Terampai, Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammonikal Nitrogen (AN), Minyak dan Geris (OG), E.coli, Kekeruhan "hardness", Kalsium, Magnesium, Natrium, Kalium Jumlah Pepejal Terampai, Klorid, Fosfat, Silika, Kadmium, Total kromium, Kuprum, Besi Pelumbum, Manganem, Nikel dan Zink. Beberapa parameter *insitu* juga diukur seperti Oksigen Terlarut (DO), Konduktiviti, Saliniti, pH dan Suhu.

STATUS KUALITI AIR DARATAN

Indeks digunakan untuk menentukan status kualiti air sesebuah sungai. Indeks-indeks yang digunakan adalah Indeks Kualiti Air (IKA), Indeks Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Indeks Ammoniakal Nitrogen (AN) dan Indeks Pepejal Terampai (PT). **Jadual 2.1** menunjukkan perubahan kualiti air sungai mengikut indeks dari tahun 1996 hingga tahun 1997.

Indeks Keperluan Oksigen Biokimia (IBOD)

Mengikut indeks BOD (IBOD), 19 limbangan dikategorikan sebagai bersih iaitu meningkat sebanyak 27 peratus berbanding dengan tahun 1996 iaitu 15 buah limbangan. Limbangan yang merosot dari bersih pada tahun 1996 kepada sederhana tercemar pada tahun 1997 adalah Tawau (91), Tuaran (77) dan Kadamaian (78). Limbangan labuk yang dikategorikan bersih pada tahun 1996 menjadi tercemar pada tahun 1997. **Rajah 2.5** menunjukkan tren kualiti air sungai berdasarkan kepada IBOD dari tahun 1986 hingga 1997.

Indeks Ammonikal Nitrogen (IAN)

Mengikut Indeks Ammonikal Nitrogen (IAN), kesemua 19 limbangan yang diawasi dikategorikan sebagai bersih. Keadaan ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 1996. Pada tahun 1996, 4 limbangan yang dikategorikan sebagai sederhana tercemar iaitu Padas (72), Sugut (83), Labuk (84) dan Segama (87) menjadi bersih pada tahun 1997. **Rajah 2.6** menunjukkan tren kualiti air sungai mengikut IAN dari tahun 1986 hingga 1997.

Indeks pepejal Terampai (IPT)

Mengikut Indeks pepejal Terampai (IPT), 12 limbangan sungai dikategorikan sebagai bersih. Daripada 12 limbangan tersebut, 6 limbangan meningkat daripada sederhana tercemar kepada bersih manakala 3 limbangan meningkat daripada sederhana pada tahun 1996 menjadi bertambah bersih pada tahun 1997. Semantara 4 limbangan lagi tidak menunjukkan sebarang perubahan dari tahun 1996 ke tahun 1997. **Rajah 2.7** menunjukkan tren kualiti air sungai mengikut IPT dari tahun 1986 hingga 1997.

PEMATUHAN PARAMETER MENGIKUT PIAWAI DISARANKAN

Pematuhan kualiti air sungai adalah berdasarkan Piawai Interim Kualiti Air Kebangsaan. Data-data kualiti air yang diperolehi akan dibandingkan dengan piawai interim tersebut iaitu data-data di stesen-stesen di takat pengambilan kualiti air dibandingkan dengan Kelas IIA, sementara data-data yang diperolehi dari stesen-stesen lain dibandingkan dengan Kelas III. **Jadual 2.2** menunjukkan Piawai Interim Kualiti Air Kebangsaan.

Keperluan Oksigen Biokimia (BOD)

Daripada pengawasan yang dijalankan di dua puluh (20) buah stesen pengawasan di takat pengambilan air, 19 stesen menunjukkan peratus pematuhan BOD seratus peratus, sementara satu stesen lagi iaitu di sungai Mangalong yang menunjukkan tahap pematuhan 88 peratus. **Rajah 2.8** menunjukkan peratus pematuhan BOD di stesen takat pengambilan air.

Tahap pematuhan BOD di stesen-stesen selain dari takat pengambilan air bagi Pantai Barat dan Pantai Timur ditunjukkan dalam **Rajah 2.9** dan **Rajah 2.10**. Di Pantai Barat, daripada 30 stesen yang diawasi, 26 stesen menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus, sementara 4 stesen lagi iaitu beberapa batang sungai masing-masing menunjukkan tahap pematuhan 33 peratus hingga 75 peratus. Manakala di Pantai Timur, daripada 20 stesen yang diawasi kesemuanya menunjukkan tahap pematuhan BOD seratus peratus.

Ammonical Nitrogen (AN)

Daripada pengawasan yang dijalankan di dua puluh (20) buah stesen pengawasan di takat pengambilan air, 16 stesen menunjukkan peratus pematuhan AN seratus peratus sementara 4 stesen lagi menunjukkan pematuhan antara 75-86 peratus. **Rajah 2.11** menunjukkan peratus pematuhan AN di stesen takat pengambilan air.

Tahap pematuhan AN di stesen-stesen selain dari takat pengambilan air bagi Pantai Barat dan Pantai Timur ditunjukkan dalam **Rajah 2.12** dan **Rajah 2.13**. Di Pantai Barat, daripada 30 stesen yang diawasi, kesemuanya juga menunjukkan tahap pematuhan AN seratus peratus.

Pepejal Terampai (PT)

Daripada pengawasan yang dijalankan di duapuluh (20) buah stesen pengawasan di takat pengambilan, hanya 6 stesen sahaja yang menunjukkan peratus pematuhan pepejal terampai seratus peratus iaitu 2 stesen di Sungai Kedamaian, 2 stesen di Sungai Tawau dan satu stesen di Sungai Bingkongan. Bagi 14 stesen yang tidak menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus, 2 stesen menunjukkan tahap pematuhan antara 33 hingga 75 peratus di Sungai Padas, 4 di Sungai Mengalong, 1 di Sungai Membakut, 2 di Sungai Papar, 1 di Sungai Papar, 1 Sungai Tuaran, 1 di Sungai Labuk dan 1 di Sungai Kalumpang. **Rajah 2.14** menunjukkan peratus pematuhan pepejal terampai di stesen takat pengambilan air. Tahap pematuhan pepejal terampai di stesen-stesen selain dari takat pengambilan air bagi Pantai Barat dan Pantai Timur ditunjukkan dalam **Rajah 2.15** dan **Rajah 2.16**. Di Pantai Barat daripada 30 stesen yang diawasi, 20 stesen menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus. Selebihnya kesemua stesen daripada 10 stesen menunjukkan peratus pematuhan antara 33 hingga 75 peratus. Ini bermakna 33% daripada kesemua stesen tersebut tidak mematuhi paras piawai pepejal terampai yang disarankan. Manakala di Pantai Timur, daripada 20 stesen yang diawasi, 11 stesen menunjukkan tahap pematuhan PT seratus peratus, dan 9 stesen lagi hanya mencapai tahap pematuhan diantara 43 hingga 75 peratus.

Minyak dan Gris (OG)

Daripada pengawasan yang dijalankan pada 20 buah stesen pengawasan di takat pengambilan air, hanya 5 stesen yang menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus iaitu masing-masing 1 stesen di Sungai Padas dan Moyog, Sungai Papar, Sungai Tuaran, dan Sungai Kalumpang. Bagi 15 stesen yang tidak menunjukkan peratus pematuhan seratus peratus, 4 stesen menunjukkan tahap pematuhan dibawah 50 peratus iaitu 1 stesen di

Sungai Umas-Umas, 2 di Sungai Mengalong dan 1 di Sungai Tawau di mana tahap pematuhan antara 33 hingga 43 peratus, selain daripada sungai tersebut diantara diantara 50 hingga 86 peratus. **Rajah 2.17** menunjukkan peratus pematuhan OG di stesen takat pengambilan air.

Tahap pematuhan OG di stesen-stesen selain dari takat pengambilan air bagi Pantai Barat dan Pantai Timur ditunjukkan dalam **Rajah 2.18** dan **Rajah 2.19**. Di Pantai Barat, daripada 30 stesen yang diawasi, hanya 4 stesen yang menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus, 7 stesen menunjukkan tahap pematuhan kurang daripada 50 peratus. Manakala di Pantai Timur, daripada 20 stesen yang diawasi, 7 stesen yang menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus, iaitu 3 stesen di Sungai Labuk, 2 di Sungai Kinabatangan dan masing-masing 1 di Sungai Kalumpang dan Sungai Silabukan. Sementara itu, dari 13 stesen yang tidak menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus.

Escherichia Coli (E.coli)

Daripada pengawasan yang dijalankan di 20 buah stesen pengawasan di takat pengambilan air, 16 stesen menunjukkan peratus pematuhan E. Coli seratus peratus. **Rajah 2.20** menunjukkan peratus pematuhan E.coli di stesen takat pengambilan air. Tahap pematuhan E. Coli di stesen-stesen selain dari takat pengambilan air bagi Pantai Barat dan Pantai Timur ditunjukkan dalam **Rajah 2.21** dan **Rajah 2.22**. Di Pantai Barat, daripada 30 stesen yang diawasi, semua stesen. Manakala di Pantai Timur, semua 20 stesen yang diawasi, menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus.

PENGAWASAN KUALITI AIR LAUT

Pada tahun 1997, pengawasan kualiti air laut diteruskan sebanyak 31 buah stesen pengawasan meliputi dua kawasan utama iaitu kawasan rekreasi dan kawasan perindustrian. **Lampiran II** menunjukkan senarai stesen pengawasan laut di seluruh Negeri Sabah pada tahun 1997. Dalam tahun 1997, sebanyak 110 contoh telah dipungut daripada 31 buah stesen pengawasan.

PEMATUHAN PARAMETER MENGIKUT PIAWAI YANG DISARANKAN

Pepejal Terampai (PT)

Daripada 23 stesen di pantai rekreasi, 7 stesen menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus iaitu 3 stesen di Pantai Barat, 2 stesen di Pantai Timur dan 2 stesen di W.P Labuan.

Daripada pengawasan yang dijalankan 7 stesen menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus, 1 stesen menunjukkan paras pematuhan 80 peratus, 12 stesen menunjukkan pematuhan lebih dari 50 peratus dan 4 stesen yang menunjukkan pematuhan kurang dari 50 peratus iaitu 2 stesen di Papar, 2 stesen di Kota Kinabalu dan 1 stesen di Pantai Tinagat Tawau. **Rajah 2.24** menunjukkan peratus pematuhan pepejal terampai di kawasan rekreasi.

Di kawasan perindustrian, 7 stesen pengawasan air laut menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus manakal satu stesen menunjukkan pematuhan 80 peratus iaitu di Teluk Likas Kota Kinabalu. **Rajah 2.25** menunjukkan peratus pematuhan pepejal terampai di kawasn perindustrian.

Minyak dan Geris (OG)

Daripada pengawasan yang dijalankan di 23 stesen pengawasan di kawasan rekreasi, hanya lapan stesen sahaja yang menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus. Sementara itu, 2 menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus, 1 stesen pula menunjukkan tahap pematuhan 80 peratus iaitu 14 stesen menunjukkan tahap pematuhan lebih dari 50 pertaus dan 3 stesen menunjukkan tahap pematuhan kurang 50 peratus iaitu 1 di Kota Kinabalu dan masing-masing 1 stesen di Lahad dan Tawau. **Rajah 2.26** menunjukkan peratus pematuhan minyak dan geris di kawasnan rekreasi. Di kawasan perindustrian pula, tiada stesen menunjukkan pematuhan seratus peratus, 1 stesen daripada 8 stesen yang menunjukkan tahap pematuhan 80 peratus iaitu di Jeti Feri Kuala Penyu manakala 7 stesen menunjukkan pematuhan 50 peratus. **Rajah 2.27** menunjukkan peratus pematuhan minyak dan geris di kawasan perindustrian.

Plumbum (Pb)

Daripada pengawasan yang dijalankan di 23 stesen pengawasan di kawasan rekreasi, kesemua stesen menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus. **Rajah 2.28** menunjukkan peratus pematuhan pelumbum di kawasan rekreasi.

Di kawasan perindustrian, juga menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus di kesemua stesen. **Rajah 2.29** menunjukkan peratus pematuhan plumbum di kawasan perindustrian.

Escherichia Coli (E.coli)

Dari pengawasan yang dujalankan di 23 stesen pengawasan di kawasan sekreasi, keseluruhan stesen menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus. **Rajah 2.30** menunjukkan peratus pematuhan *E. coli* di kawasan rekreasi.



III

**KAWALAN KUALITI
ALAM SEKELILING**

Di kawasan perindustrian, kesemua stesen pengawasan menunjukkan tahap pematuhan seratus peratus. **Rajah 2.31** menunjukkan peratus pematuhan *E.coli* di kawasan perindustrian.

III KAWALAN KUALITI ALAM SEKELILING

Bagi memastikan keberkesanan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dalam mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran serta memperbaiki kualiti alam sekitar, penguatkuasaan Peraturan-peraturan yang dibuat dibawah Akta tersebut adalah amat penting. Bagi memastikan ianya dilaksanakan, Jabatan Alam Sekitar telah mengatur dan merancang strategi pelaksanaannya untuk tahun 1997. Program yang dibuat telah mengambilkira strategi-strategi tahun-tahun sebelumnya, peruntukan kewangan yang diperuntukkan dan “priority” premis atau kilang yang dilawat.

Program penguatkuasaan yang dilaksanakan merangkumi penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran tetap (punca-punca tetap) dan punca-punca pencemaran yang bergerak (punca-punca bergerak). Punca tetap pula terdiri daripada premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan (prescribed premise) dan bukan premis yang ditetapkan (non-prescribed premise).

PUNCA-PUNCA TETAP

PREMIS YANG DITETAPKAN

Kilang Kelapa Sawit Mentah

Sehingga akhir tahun 1997 sebanyak 53 kilang kelapa sawit di seluruh Negeri Sabah beroperasi. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak 6 buah kilang (12 %) berbanding dengan tahun 1996 iaitu hanya 47 buah kilang. **Rajah 3.1** menunjukkan bilangan kilang kelapa sawit di Negeri Sabah bagi tahun 1995-1997.

Dari segi taburan kedudukan kilang-kilang kelapa sawit, 31 kilang (38%) adalah terletak di kawasan Sandakan (Sandakan, Kinabatangan dan Baluran), 20 kilang (37%) di kawasan Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak) dan masing-masing 1 kilang di Kudat (Langkon) dan Pendalaman (Beaufort). **Rajah 3.2** menunjukkan taburan kilang kelapa sawit mengikut kawasan dari tahun 1995-1997.

Sepanjang tahun 1997, 105 lawatan penguatkuasaan telah dibuat ke atas 53 buah kilang kelapa sawit yang beroperasi iaitu menurun sebanyak 14% berbanding dengan tahun

1996 iaitu 117 lawatan (47 kilang yang beroperasi). Antara faktor penting dalam perubahan ini adalah disebabkan oleh pengubahsuaian program setelah mengambilkira pertambahan bilangan kilang kelapa sawit. Hasil daripada lawatan penguatkuasaan tersebut, didapati 31 buah kilang kelapa sawit (58%) mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan manakala 22 kilang (42 %) lagi tidak mematuhi. Status pematuhan ini meningkat berbanding dengan tahun 1996 iaitu 25 buah kilang (56%) mematuhi syarat-syarat lesen dan hanya 20 buah kilang (44%) yang tidak mematuhi.

Dari segi pematuhan parameter, daripada 117 lawatan penguatkuasaan ke atas 53 kilang yang beroperasi pada tahun 1997, 40 kilang (25%) mematuhi paras pelepasan BOD yang ditetapkan dalam lesen berbanding dengan tahun 1996 iaitu 32 kilang (68%). Dari segi pepejal terampai, 23 kilang (45%) mematuhi paras pelepasan yang ditetapkan dalam lesen berbanding dengan 18 kilang (38%) pada tahun 1996. Manakala bagi parameter ammoniakal nitrogen, 48 kilang (90%) mematuhi paras yang ditetapkan berbanding dengan pematuhan 95 % pada tahun 1996. Sementara bagi parameter pH yang ditetapkan 96 % berbanding dengan pematuhan 97% pada tahun 1996. **Rajah 3.3** menunjukkan pematuhan kilang mengikut parameter bagi tahun 1996 dan 1997. Bagi tahun 1997 beberapa buah kilang masih menghadapi masalah pematuhan BOD dan Pepejal Terampai.

Kilang Getah Asli Mentah

Bilangan kilang getah asli mentah di Negeri Sabah yang dilesenkan tidak berubah sejak tahun 1993 iaitu masih kekal dengan 4 buah kilang iaitu 2 kilang di Tenom dan masing-masing sebuah di Tawau dan Tuaran.

Sepanjang tahun 1997, 6 lawatan telah dijalankan iaitu menurun 14% berbanding dengan tahun 1996 iaitu 7 lawatan sahaja. Hasil daripada lawatan tersebut didapati ke semua kilang tersebut mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan. **Rajah 3.4** menunjukkan tahap pematuhan kilang getah asli mentah mengikut parameter bagi tahun 1996 dan 1997.

Kemudahan Pengolahann Dan Pelupusan Buangan Terjadual

Terdapat tujuh premis yang dilesenkan untuk kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual sehingga tahun 1996 iaitu Syarikat Sabah and Sarawak Shell di W.P. Labuan untuk melupuskan enapcemar minyak, Aerial Product Sdn.Bhd di Sandakan, Malaysian Oxygen dan Sri Oxygen untuk melupuskan enapcemar kalsium hidroksida, insinerator buangan klinikal di Hospital Sipitang dan di Hospital WP Labuan. Bilangan premis ini bertambah daripada dua premis pada tahun 1997.

Sepanjang tahun 1997, sebanyak 4 lawatan telah dibuat dan hasil daripada lawatan penguatkuasaan tersebut didapati ke empat-empat premis tersebut menunjukkan pematuhan seratus peratus.

BUKAN PREMIS YANG DITETAPKAN

Peraturan-Peraturan kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Effluen-Effluen) Perindustrian) 1979 (KEEP)

Bilangan premis yang tertakluk di bawah Peraturan KEEP 1979 pada tahun 1997 telah bertambah iaitu dari 13 buah premis pada tahun 1996 kepada 17 buah premis. **Rajah 3.5** menunjukkan jenis-jenis premis yang tertakluk di bawah KEEP 1979 dari tahun 1995-1997. Kilang yang berasaskan minuman merupakan kilang yang paling banyak yang tertakluk di bawah KEEP 1979.

Sepanjang tahun 1997, sebanyak 27 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 17 buah premis yang tertakluk di bawah Peraturan KEEP 1979. Bilangan lawatan ini meningkat sebanyak 168% berbanding dengan tahun 1995 iaitu 27 lawatan. **Rajah 3.6** menunjukkan status pematuhan kilang mengikut parameter di bawah KEEP 1979 bagi tahun 1994 dan 1997. Pada tahun 1997, 16 kilang daripada 17 kilang yang tertakluk di bawah KEEP 1979 adalah mematuhi paras BOD. Bagi paras COD, 15 dari 17 kilang mematuhi paras yang ditetapkan. Semantara bagi pepejal terampai 16 dari 17 kilang mematuhi paras yang ditetapkan dan untuk parameter Minyak dan Gris semua kilang patuh.

Pada tahun 1997, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan satu lesen pelanggaran di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada industri berasaskan sembelihan di Lok Kawi bagi pelepasan parameter keperluan oksigen kimia (COD) kerana sistem pengolahan effluen tidak mampu menurunkan paras pelepasan COD seperti yang ditetapkan dalam Standard B di bawah KEEP 1979.

Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 (PUB)

Pada tahun 1997, sebanyak 504 premis telah dilawat untuk lawatan penguatkuasaan PUB 1978 iaitu meningkat sebanyak 75% berbanding dengan jumlah premis yang dilawat pada tahun 1996 iaitu 379 premis. Antara premis-premis yang dilawat adalah kilang papan, kuari, kilang Bata, tapak pembinaan, tapak pelupusan sampah dan pelbagai jenis industri yang lain. Hasil daripada lawatan penguatkuasaan tersebut, beberapa tindakan undang-undang di kenakan atas pelbagai kesalahan di bawah peraturan tersebut. **Rajah 3.7** menunjukkan status pematuhan kilang di bawah PUB 1978 dari tahun 1995 hingga 1997. Sebanyak 444 kilang (88%) yang dilawat pada tahun 1997 mematuhi PUB 1978. Status ini menunjukkan peningkatan tahap pematuhan berbanding dengan 379 kilang (75 %) yang dilawat pada tahun 1996.

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual)1989

Sepanjang tahun 1997, sebanyak 32 premis yang mengeluarkan buangan terjadual telah dilawat. Bilangan premis yang dilawat menurun sebanyak 45% berbanding dengan tahun 1996 iaitu 71 premis. Hasil daripada lawatan penguatkuasaan tersebut beberapa tindakan undang-undang telah dikenakan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Daripada lawatan penguatkuasaan tersebut 23 premis (72%) adalah mematuhi peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 1989. Ini menurun berbanding dengan tahun 1996. **Rajah 3.8** menunjukkan status pematuhan kilang di bawah PBT 1989.

Dalam tahun 1997, dua lesen pelanggaran telah diberikan kepada dua buah kilang yang berasaskan industri gas. Kedua-dua kilang ini diberi lesen untuk membuang enapcemar kalsium hidroksida (buangan terjadual) di tapak pelupusan sampah Majlis Perbandaran Kota Kinabalu. Dalam tahun 1997 juga, 4 lesen pengangkutan bahan buangan terjadual di keluarkan iaitu, 1 pengolahaan atas tanah, 1 pengolahaan luar tapak dan 2 penunu buangan.

Rajah 3.9 menunjukkan kuantiti pengeluaran buangan terjadual mengikut kategori dari tahun 1995 hingga 1997 dari pelbagai punca. Jumlah buangan terjadual yang dihasilkan pada tahun 1997 meningkat 1157 pada tahun 1996 kepada 1451 tan iaitu meningkat sebanyak 79 %. Bagi tahun 1997, jenis bahan buangan terjadual yang paling banyak dikeluarkan adalah yang berasaskan minyak (933.65 tan) dan diikuti oleh kalsium hidroksida (510 tan). Punca-punca utama pengeluaran buangan terjadual ini adalah daripada stesen-stesen janakuasa, terminal minyak dan hospital seperti dalam **Rajah 3.10** menunjukkan bilangan punca.

PUNCA - PUNCA BERGERAK

Pelapasan Asap Hitam

Pada tahun 1997, sebanyak 19 kempen penguatkuasaan asap hitam telah dijalankan iaitu meningkat 42 % dari segi bilangan dan peratusan berbanding dengan tahun 1996 iaitu 11 kempen. Sejumlah 1106 buah kenderaan telah ditahan, daripada kenderaan diesel dengan kerjasama Polis Cawangan Trafik dan daripada jumlah itu sebanyak 183 buah kenderaan telah disaman kerana melanggar paras asap hitam yang ditetapkan iaitu 50 Unit Asap Hartridge (*HSU*). **Rajah 3.11** menunjukkan bilangan kenderaan yang ditahan dan disaman dari tahun 1995 hingga 1997. Sementara **Rajah 3.12** menunjukkan bilangan kenderaan dari tahun 1995 hingga 1997. Pada tahun 1997, jenis kereta teksi merupakan jenis kenderaan yang paling banyak di saman iaitu 77 dan diikuti oleh trak ringan, bas mini 25, lori 17 dan bas 11.

Plumbum Dalam Petrol

Sepanjang tahun 1997, penguatkuasaan ke atas minyak petrol berplumbum dan tanpa plumbum untuk menentukan tahap pematuhan kandungan plumbum. Sebanyak 40 sampel masing-masing telah diambil dari minyak petrol berplumbum dan tanpa plumbum. Daripada analisa kandungan petrol tersebut didapati kesemua sample yang diambil menunjukkan pematuhan seratus peratus bagi kedua-dua jenis petrol jika dibandingkan dengan paras piawai yang ditetapkan iaitu 0.15 gm/l bagi petrol plumbum dan 0.00 gm/l bagi petrol tanpa plumbum.

Bunyi Bising Kenderaan Motorsikal

Peratus pematuhan bunyi bising kenderaan motorsikal bagi tahun 1995 hingga 1997 ditunjukkan dalam **Rajah 3.13**. Paras piawai yang ditetapkan bagi pelepasan bunyi bising dari kenderaan motorsikal adalah 92 dB(A). Pada tahun 1997 sebanyak 1 kempen daripada program penguatkuasaan bunyi bising telah dilaksanakan dan hasilnya 9 kompaun telah dikeluarkan.

ADUAN

Aduan orang ramai berhubung dengan pelbagai isu alam sekitar terutama yang melibatkan pencemaran yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan orang awam adalah merupakan salah satu cara Jabatan Alam Sekitar mengenal pasti punca-punca pencemaran. Berdasarkan kepada maklumat melalui aduan ini, maka Jabatan ini dapat

memulakan siasatan dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996). Sepanjang tahun 1997 sebanyak 61 aduan telah diterima dan jumlah ini telah menurun sebanyak 78% berbanding dengan tahun 1996 iaitu hanya 78 aduan. **Rajah 3.14** menunjukkan jenis aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 1995-1997. Pada tahun 1997, aduan mengenai habuk merupakan jenis aduan yang paling banyak diterima iaitu 14 aduan (22%) dan diikuti oleh aduan air iaitu 9 aduan (15%), pembakaran terbuka 3 aduan (9%), kelodakan air 2 aduan (3%) bau 8 aduan (13%), hakisan tanah 7 aduan (11%) dan kelodakan air 2 aduan (3%) dan beberapa jenis aduan lain.

Hasil daripada siasatan yang dibuat ke atas aduan-aduan yang diterima didapati punca-punca pencemaran yang dikenalpasti adalah berpunca dari pelbagai sumber. **Rajah 3.15** menunjukkan punca-punca pencemaran yang diadu kepada Jabatan Alam Sekitar. Pada tahun 1997, perusahaan kilang merupakan sumber pencemaran yang paling banyak diadu iaitu 26 aduan (42%) pembinaan 15 aduan (24%), kuari 6 aduan (10%), premix 2 aduan (3%), janakuasa 1 aduan (1%) dan beberapa punca lain. Sementara bilangan aduan

mengikut kawasan pula didapati kawasan Pantai Barat menunjukkan jumlah aduan yang terbanyak iaitu 40 (65%) dan diikuti oleh kawasan Pendalaman 11 (6%), Tawau 6 (9 %) Sandakan 2 (3%), dan lain-lain seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.16**

TINDAKAN UNDANG –UNDANG

Kompaun Dalam tahun 1997, sebanyak 71 kompaun telah ditawarkan dalam pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di mana ianya menurun kepada 232 perataus berbanding dengan tahun 1996 iaitu iaitu 165 kompaun. Daripada 71 kompaun yang ditawarkan pada tahun 1997, 60 kompaun (85%) telah dikenakan keatas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 (PUB 1978) dan 11 kompaun (15%) lagi kerana kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 (PBT 1989).

Rajah 3.17 menunjukkan bilangan kompaun yang dikenakan mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 bagi tahun 1995 hingga 1997. Pada tahun 1997, bilangan kompaun yang ditawarkan adalah 71 kompaun iaitu menurun sebanyak 232 % berbanding dengan tahun 1996 iaitu 165 kompaun . Di bawah PUB 1978, kesalahan di bawah Peraturan 11 atau kesalahan kerana melakukan pembakaran terbuka merupakan jenis kesalahan yang terbanyak iaitu 48 kesalahan (67%) dan diikuti oleh Peraturan 7 & 8 dengan 4 kesalahan (6%), Peraturan 14 dengan 4 kesalahan (6%) Peraturan 36 & 38 dengan 2 kesalahan (3%) dan Peraturan 40 dengan 2 kesalahan (2 %).

Rajah 3.18 menunjukkan bilangan kompaun yang ditawarkan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 1989 bagi tahun 1995 hingga 1997. Pada tahun 1996, bilangan kompaun yang ditawarkan tidak berubah berbanding tahun 1995 iaitu 12 kompaun. Di bawah PBT 1989, kesalahan di bawah Peraturan 8 merupakan jenis kesalahan yang paling banyak iaitu 9 kesalahan (92%) manakala yang selebihnya adalah kesalahan di bawah Peraturan 4 dan 9.

Rajah 3.19 menunjukkan jumlah kutipan kompaun yang diterima mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dari tahun 1995 hingga 1997. Bagi tahun 1997, jumlah kutipan kompaun di bawah PUB 1978 adalah RM 83,000.00 iaitu meningkat sebanyak 94 % berbanding dengan jumlah kutipan pada tahun 1996 iaitu RM 78,100.00. Jumlah kutipan kompaun di bawah Peraturan 11, PUB 1978 menunjukkan jumlah kutipan terbesar iaitu RM 72,000.00 berbanding dengan lain-lain peraturan di bawah PUB 1978.

Sementara itu, **Rajah 3.20** menunjukkan jumlah kutipan kompaun yang diterima mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 dari tahun 1995 hingga 1997. Bagi tahun 1997, jumlah kutipan yang diterima adalah RM 14,500 iaitu meningkat sebanyak 48% berbanding tahun 1996 iaitu sebanyak RM 7,000. Jumlah kutipan kompaun di bawah Peraturan 8 menunjukkan jumlah kutipan terbesar iaitu RM 10,500 berbanding dengan lain-lain peraturan di bawah PBT 1989.

Tindakan Mahkamah

Pada tahun 1997, sebanyak 15 kes telah disyorkan kepada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan Mahkamah. Bilangan kes yang disyorkan untuk tindakan Mahkamah pada tahun 1997 telah bertambah sebanyak 80% berbanding dengan tahun 1996 iaitu 12 kes. **Rajah 3.21** menunjukkan bilangan kes yang disyorkan untuk tindakan Mahkamah dari tahun 1993 hingga 1997.

Daripada 17 kes yang disyorkan kepada Ibu Pejabat untuk tindakan Mahkamah pada tahun 1997, 5 kes (33 %) merupakan kesalahan di bawah Peraturan 11 dan 22, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan masing-masing 10 kes di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan 2 kes di bawah kesalahan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Perintah EIA).

TUMPAHAN DAN PEMBUANGAN SISA MINYAK DI LAUT

